

07/12/1997

Salahkan Abu Hassan, orang lain macam mana?

ALKISAHNYA, Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar menitikkan air mata ketika memberi penjelasan kepada Dewan Undangan Negeri berhubung pengubahsuaian kediaman rasminya yang berharga RM5 juta. Dengan rasa hiba beliau menyatakan jika diberi pilihan beliau lebih rela tinggal di rumah peribadinya di Ampang Jaya.

"Saya dan keluarga saya tidak ghairah untuk tinggal di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor, saya berasal daripada keluarga yang miskin," katanya.

Menurutnya, soal kediaman rasminya sebagai Menteri Besar Selangor tidak pernah menjadi keutamaan kepadanya sejak beliau memegang jawatan itu Jun lalu. Apabila ditawarkan jawatan itu oleh Perdana Menteri, beliau tidak ambil endah atau ambil kira sama ada akan tinggal di kediaman rasmi MB atau tidak.

"Saya dan keluarga saya sudah tinggal di Ampang Jaya sejak lebih 20 tahun dan kami selesa di sana. Dalam usia 57 tahun untuk berpindah ke kediaman baru bukanlah satu keutamaan saya, tetapi protokol, tradisi dan komitmen yang memaksa sesiapa yang menjadi Menteri Besar untuk tinggal di kediaman rasmi," katanya.

"Itu sebabnya saya serahkan perkara berhubung pengubahsuaian kediaman rasmi MB kepada ahli profesional, itupun semasa saya nampak kosnya antara RM4.5 juta dan RM5 juta, saya rasa susah hati juga, jumlahnya agak tinggi," katanya.

Menurutnya, beliau sebaliknya meminta tempoh sebelum menyatakan persetujuannya berhubung jumlah yang diperuntukkan bagi pengubahsuaian itu sehingga dibincangkan oleh Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri.

Abu Hassan berkata beliau sendiri pada mulanya mengusulkan supaya kediaman itu dijadikan sebagai rumah tetamu kerajaan negeri dan beliau lebih rela berulang alik ke pejabat dari kediamannya di Ampang Jaya atau mencari rumah lain.

"Dalam mesyuarat itu semua ahli, malah ketua-ketua jabatan sudah diminta pendapat dan setiap orang daripada mereka bersetuju sebulat suara. Dan rumah itu nanti bukannya atas nama untuk Datuk Abu Hassan, tapi atas nama Menteri Besar Selangor," katanya.

"Keadaan ekonomi ketika itu baik, saya ada laporkan perkara itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi tidak sempat kepada timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dia sibuk dan saya pun sibuk. Saya fikir PM menyampaikan perkara itu kepada timbalannya," katanya.

Abu Hassan berkata dalam soal itu kerajaan negeri tidak pernah takut kerana kerajaan tidak pernah melakukan apa-apa penyelewengan dan bersedia disoal siasat oleh Ketua Audit Negara atau Badan Pencegah Rasuah pada bila-bila masa.

"Kita tidak ada apa yang hendak dilindungi, kita bersikap terbuka, accountable dan sedia disiasat," katanya.

Abu Hassan berkata peratus perbelanjaan untuk pengubahsuaian itu juga adalah adil dan memadai memandangkan kediaman itu tidak pernah dibuat sebarang pengubahsuaian besar sejak 24 tahun lalu.

Beliau berkata RM169 juta diperuntukkan bagi pembangunan dan belanja mengurus di bawah Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun ini dan RM5 juta untuk pengubahsuaian itu adalah kira-kira 2.5 peratus daripada peruntukan itu.

Itulah kisah yang teman baca dalam laporan-laporan akhbar mengenai

perkara ini. Oleh kerana Abu Hassan sudah buat penjelasan, teman anggap beliau mengaku dan mengambil tanggungjawab penuh terhadap soal pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar Selangor itu.

Bagi teman, soal asal usul miskin, ghairah nak pindah atau tidak bukan isunya. Soalnya ialah kenapa jumlah kos pengubahsuaian itu sampai RM5 juta. Itulah yang dipersoalkan.

Memanglah orang boleh kata macam-macam pasal perkara ini. Tetapi untuk membicarakannya, adalah wajar untuk melihat sendiri kediaman Menteri Besar Selangor sebelum ini. Teman berkesempatan juga meninjau kediaman itu sebelum kerja ubah suai dibuat. Waktu itu, Tan Sri Muhammad Muhd Taib jadi Menteri Besar.

Kediaman itu agak besar. Dan keadaannya memang memerlukan kerja baik pulih dan ubah suai. Maklumlah sudah 24 tahun tak dibuat kerja baik pulih. Maka, pada hemat teman, adalah kurang wajar untuk mempersoalkan mengapa kediaman itu perlu diubah suai.

Soal pokok, barangkali, ialah jumlah kos pengubahsuaian itu. Tetapi, pada zaman sekarang, memanglah tidak ada benda yang murah. Jadi kerja ubah suai memang memakan kos yang agak tinggi. Mana tidaknya kerana kediaman itu besar dan banyak bahagian yang perlu dibaiki dan diubah suai.

Teman faham RM5 juta memang banyak. Tetapi bukankah itu berpadanan dengan kerja baik pulih dan ubah suai kediaman yang besar dan sedikit usang?

Apabila pembangkang membandingkan kos ubah suai kediaman Menteri Besar dan rumah kos rendah, teman fikir ia sesuatu yang keterlaluan. Memanglah dengan RM5 juta, 200 rumah kos murah berharga RM25,000 seunit boleh didirikan. Tetapi itu bukan isunya sekarang.

Kalau itu dijadikan ukuran, apakah kediaman orang lain termasuk menteri juga mahu dipersoalkan? Teman tahu ada kediaman orang lain lebih mahal kos binaannya, apatah lagi kerja ubah suainya, berbanding kos kerja ubah suai kediaman MB Selangor.

Maka, kalau kediaman MB Selangor mahu diungkit-ungkit, tentulah kita kena unguik kos rumah orang lain pula. Apakah kita mahu berbuat begitu?

(END)